


Buletin Khas DOSM (BKD) yang disediakan ini adalah berdasarkan kepada kompilasi DOSM Intelligence Stats (DIS) bagi tujuan input kepada stakeholders dan agensi utama pada setiap hari di sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). DIS disediakan oleh pejabat DOSM Negeri dan juga Bahagian Butiran Perkara di Ibu Pejabat berdasarkan kajian ringkas berkaitan dengan perkembangan semasa dan kesannya kepada struktur sosial dan ekonomi di Malaysia.

BKD edisi kali ini merangkumi Kajian kes impak Movement Control Order (MCO) bagi industri terpilih di Wilayah Persekutuan dan Negeri Sarawak

LABUAN INTERNATIONAL KITES FESTIVAL TERPAKSA DITANGGUHKAN



- ❖ Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) turut memberi kesan kepada aktiviti pelancongan di Wilayah Persekutuan Labuan. Pada tahun 2020 disasarkan lebih 100 acara menarik akan berlangsung di Wilayah Persekutuan Labuan termasuklah acara yang berprestij di peringkat antarabangsa.
- ❖ *Labuan International Kites Festival* yang dijadualkan pada 13 – 15 Mac 2020 antara acara yang terpaksa ditunda selain daripada semua tempat tumpuan pelancong ditutup bagi mencegah penularan COVID-19.
- ❖ Pengusaha hotel turut menerima impak PKP dengan pembatalan tempahan bilik dan tiada sebarang tempahan dari luar, yang dijangka mengalami kemerosotan hasil sebanyak **58%** berbanding bulan Februari.



Kemerosotan hasil
58%

1,300

Peniaga kecil dan penjaja di Wilayah Persekutuan Labuan menerima pengecualian bayaran sewa premis niaga



Para peniaga kecil dan penjaja yang berniaga di premis milik Perbadanan Labuan di Bangunan UTC Pasar Sentral, Pasar Malam, Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan dan sebagainya diberi **pengecualian enam bulan bayaran sewa premis niaga** yang dianggarkan **melebihi RM1 juta**.



Mereka turut menerima bantuan **one-off sebanyak RM500.00** yang diperuntukkan oleh Perbadanan Labuan.



Kerajaan juga turut memberikan **pengecualian enam bulan bayaran sewa perumahan awam milik Perbadanan Labuan** kepada 546 keluarga dengan kos sebanyak RM933,210.00 bagi tempoh enam bulan.



KAJIAN KES IMPAK PKP BAGI SEKTOR MAKANAN & MINUMAN SERTA PERHOTELAN DI KUALA LUMPUR



- ❖ **Kenderaan** yang melalui 8 lebuh raya utama **menyusut 40-60%** turut memberi kesan ke atas peniaga gerai makanan dan buah-buahan di R&R.
- ❖ Kos operasi dan bayaran penyelenggaraan di antara RM2,000 – RM3,000 sebulan bagi peniaga R&R memberi bebanan dan tekanan sepanjang tempoh PKP.
- ❖ Pengurusan lebuh raya memberi **pengecualian bayaran sewa** selama tempoh PKP dilaksanakan.



Syarikat pengendali perkhidmatan penghantaran makanan yang melaporkan terdapat peningkatan dalam perkhidmatan mereka sebanyak

50%





Pekebun di Sarawak menggunakan kaedah *cash on delivery*

- Penanam sayur berskala kecil di Bintulu telah menggunakan kaedah *cash on delivery* bagi penjualan hasil tanaman untuk meneruskan penajaan pendapatan sepanjang PKP.
- Seorang pekebun kecil di Bintulu pernah meraih pendapatan sekitar RM3,000 hingga RM4,000 sebulan berdasarkan dua minggu pusingan tuaian dan tanam semula. Bagaimanapun kini, jadual tuaian sayur telah melebihi tempoh pusingan tuaian dan pekebun hanya menerima pendapatan sebanyak RM180 daripada hasil jualan benih bunga dan sayuran.
- *Sibu Vegetable Planters Associations (SVPA)* yang mempunyai ahli seramai 300 orang turut menganggarkan kerugian antara 40% - 50% hasil jualan sepanjang tempoh PKP ini.




7 hotel di Sarawak dikenal pasti sebagai pusat kuarantin

- Hotel telah beroperasi secara minima dengan hanya *Front Office* dan *Room Service* sahaja beroperasi bagi *long term guest* menyebabkan kebanyakan hotel telah tutup semenjak PKP.
- Selaras dengan polisi baharu yang mewajibkan sesiapa sahaja yang memasuki Sarawak akan ditempatkan di Pusat Kuarantin selama 14 hari mulai 5 April 2020, Kerajaan turut merancang untuk menjadikan hotel antara pusat kuarantin.
- Pengerusi *Malaysia Association of Hotels (MAH)* Sarawak telah memaklumkan bahawa setakat 3 April, 7 hotel telah memberi maklum balas untuk dijadikan pusat kuarantin bagi individu yang memasuki Sarawak bermula 5 April.

Pasaraya di Sarawak lancarkan aplikasi eSTORE



- Sebuah pasaraya di Kuching telah mengambil inisiatif terbaharu dengan **melancarkan aplikasi eSTORE** yang membolehkan orang ramai membeli barangan runcit secara dalam talian menerusi aplikasi tersebut.
- Aplikasi eSTORE merupakan usaha inovatif bagi menggalakkan pelanggan membeli dari rumah susulan pelaksanaan PKP.



Occupancy rate hotel di Sarawak daripada 60% telah jatuh kepada 35% pada Mac 2020.

